

## Faktor Kecemerlangan Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Peringkat Remaja

Excellence Factor of al-Qur'an Memories Among Teenage Students

WAN ZURIATY ISMAIL\* & NUR AZUKI YUSUFF

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok, 16300,  
Kelantan Malaysia

\*Corresponding Author; email: wzuriaty@gmail.com

Received: 31 January 2024/ Revised: 1 April 2024/ Accepted: 2 April 2024/

Publish: 1 December 2024

### ABSTRAK

*Hafazan merupakan satu cara untuk menjaga kesucian dan ketulenan ayat suci al-Quran. Ia juga merupakan amalan spirituality yang memperkasakan aspek mental, jiwa dan intelektual. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang paling dominan mempengaruhi kecemerlangan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar peringkat remaja di institusi tahfiz Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Kajian ini melibatkan seramai 50 orang pelajar dari tiga buah pusat tahfiz swasta di bawah pentadbiran MAIK yang berada di sekitar Kota Bharu iaitu Maahad Tahfiz Pubimas Al-Amin, Mahad Tahfiz Al-Quran ArRaudah dan Mahaad Tahfiz Darul Riyadh. Analisis statistik deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22.0 digunakan untuk menjawab persoalan kajian iaitu untuk mengenalpasti faktor-faktor dominan kecemerlangan pelajar tahfiz di institusi pengajian tahfiz MAIK. Dapatkan keseluruhan menunjukkan bahawa tahap min faktor kecemerlangan hafazan pelajar berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu 4.10. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor yang paling mempengaruhi kecemerlangan hafazan ialah minat yang tinggi terhadap hafazan al-Quran dan diikuti dengan dorongan dan sokongan ibu bapa. Sementara itu, bantuan guru-guru juga menyumbang kepada nilai min yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa soalan dan respon yang diberikan pada pelajar bersesuaian dan memenuhi kriteria yang diperlukan.*

Kata kunci: *Hafazan al-Quran; pelajar tahfiz; minat tinggi; sokongan ibubapa*

### ABSTRACT

*Memorising the holy verses of the Qur'an helps preserve their purity and authenticity. It is a spiritual practice that strengthens the mental, soulful, and intellectual facets. This study has identified the most dominant factor influencing the excellence of memorising the Qur'an among students at the Tahfiz Institution of the Islamic Religious Council of Kelantan (MAIK). This study involved a total of 50 students from three Tahfiz centres around Kota Bharu, namely Maahad Tahfiz Pubimas Al-Amin, Mahad Tahfiz Al-Quran ArRaudah and Mahaad Tahfiz Darul Riyadh. Descriptive statistical analysis using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22.0 was used to answer the research question of identifying the dominant factors of Tahfiz student excellence at the MAIK Tahfiz study institution. The overall findings show that the mean level of the student's memorisation excellence factor is at a high level of 4.10. The research reveals that the most influential factor in memorisation success is a high level of interest in memorising the Qur'an, supplemented by parental encouragement and support. Simultaneously, the assistance provided by the teachers also played a role in achieving the high mean value.*

Keywords: *Al-Quran memorisation; tahfiz student; high interest; support of parents*

### PENGENALAN

Hafazan al-Quran dalam arus pendidikan di Malaysia telah memberi impak yang sangat positif daripada sudut sahsiah dan kecemerlangan akademik pelajar. Muhamadi (2010) membuktikan penghasilan pelajar

yang holistik dan berkualiti telah direalisasikan berdasarkan falsafah pendidikan negara ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seiring dengan kehebatan mukjizat

al-Quran. Penghafalan (memorization) daripada perspektif neurosains melibatkan proses pembelajaran, proses pembentukan ingatan, proses penyimpanan ingatan, proses pengeluaran kembali ingatan (recall) dan sebagai bukti kemampuan kognitif luar biasa yang berpusat di otak manusia (Very Julianto & Magda Bhinnety 2011; Zulfa Izza et al. 2012). *Short term memory* mempunyai kapasiti terhad, masa singkat dan dalam keadaan separuh sedar. Manakala *long term memory* pula mempunyai kapasiti yang tidak terhad, penyimpanan kekal dan maklumat akan teraktif apabila dirangsang (Zulfa Izza et al. 2012).

Perkembangan pendidikan tafhiz di kebanyakan negeri di Malaysia sangat pesat dengan bertambahnya bilangan sekolah tafhiz swasta dan sekolah tafhiz rakyat dari hari ke hari (Azmil Hashim & Misnan Jemali 2015). Sambutan ibu bapa yang amat menggalakkan terhadap pendidikan tafhiz mendorong mereka memilih institusi-institusi tafhiz swasta bagi memenuhi peluang yang terhad dalam aliran pendidikan tafhiz perdana (Ashraf Ismail 2018). Ternyata, kepelbagaian institusi ini membawa kepada kepelbagaian metode yang diguna pakai untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai hafazan yang mantap. Seiring dengan masa yang pantas berlalu, sistem tafhiz ini mula mengambil kira kuantiti masa yang dilaburkan untuk menghafaz al-Quran. Sesuatu kaedah atau sistem hafazan dianggap berjaya apabila semakin singkat jumlah masa atau tahun yang perlu dilalui oleh pelajar.

#### LATAR BELAKANG MASALAH

Menurut Bernama (2015) pelajar sekolah tafhiz mampu menjadi pelajar yang cemerlang dan boleh bersaing dengan pelajar sekolah harian sekiranya mereka diberi pendidikan dan silibus pembelajaran bersesuaian. Menteri Besar Selangor Amirudin Shari berkata, ia terbukti apabila sebahagian besar pelajar yang menerima Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Yayasan Selangor 2018 pada Ahad adalah dari Maahad Tafhiz Integrasi Selangor (MITS) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI). Ini menunjukkan bahawa sekiranya diberi pendidikan dan silibus pembelajaran yang betul, mereka boleh bawa pendidikan seperti biasa serta mampu bersaing bersama pelajar akademik lain. Sebahagian besar pelajar tafhiz ini adalah mereka yang menghafal 30 juzuk al-Quran dan turut cemerlang dalam peperiksaan SPM.

Pembukaan pusat tafhiz di Malaysia bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Semua institusi tafhiz ini menawarkan sistem pendidikan tersendiri dengan kurikulum yang pelbagai (Azmil Hashim 2010). Semua Maahad Tafhiz yang wujud di Kelantan mesti mendaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dengan memilih bidang minor masing-masing iaitu Tafhiz Akademik, Tafhiz Kitab Thurath atau Tafhiz TVET (Kemahiran). Pendaftaran Maahad Tafhiz MAIK mestilah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM dan MAIK. Kegagalan pengusaha tafhiz untuk mendaftar boleh dikenakan tindakan mengikut seksyen 135 Enakmen MAIK 1994 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM2000 atau penjara bagi tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Penekanan pemahaman al-Quran yang rendah dari guru serta ketiadaan sesi pengajaran atau perbincangan penting seperti asbab nuzul ayat menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran guru tafhiz perlu dikaji semula. Azmil Hashim et al. (2013) ada menyebut tentang isu guru tafhiz yang kurang menjelaskan kefahaman dan pengajaran ayat serta kurang menerangkan asbab nuzul ayat kepada pelajar. Manakala Siti Khadizah dan Ahmad Yusuf (2021) menyatakan guru hanya memberikan tumpuan terhadap hafazan pelajar dan tidak mengaitkan ilmu al-Quran dengan kehidupan seharian. Implikasi daripada situasi tersebut, matlamat dan objektif pendidikan tafhiz di negara ini tidak dapat tercapai jika isu ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Mohd Noor Bin Ibrahim, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan dan MAIK bertindak sebagai urusetia. Pada 25 Ogos 1980 sehingga 31 Disember 1989, Kelas Pengajian Tafhiz telah mula beroperasi di Pusat Pembelajaran bertempat di Masjid Muhammadi Kota Bharu manakala asrama pelajar telah ditempatkan di sebelah pejabat lama MAIK. Kelas Pengajian Tafhiz adalah berteraskan kepada hafazan al-Quran iaitu sebanyak 30 juzuk dan beberapa mata pelajaran lain seperti Tajwid, Feqah dan Tauhid. Kurikulum pengajian pada ketika itu, tidak terikat dengan mana-mana standard pengajian di peringkat kerajaan. Shohibul Samahah Mufti Negeri Kelantan, Dato' Hj. Mohd Noor Bin Ibrahim telah diberi amanah supaya mengendalikan program tersebut. Melalui program tersebut, seramai 8 orang pelajar tafhiz dan kesemua pelajar ini telah dilantik oleh MAIK sebagai guru al-Quran di masjid-masjid bandar dan jajahan negeri Kelantan. Seterusnya pada

1 Januari 1993, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah dinaiktaraf kepada Maahad Tahfiz Al-Quran MAIK dan pada akhir tahun 2006 maahad ini berpindah ke penempatan baru di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji Kota Bharu dengan prasarana yang lengkap dan sesuai dengan perkembangan sistem pembelajaran semasa. Sukatan pengajian di Maahad Tahfiz MAIK telah ditetapkan oleh pihak Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam tempoh pengajian selama tiga tahun atau enam semester. Semua pelajar wajib menghafaz al-Quran tiga puluh juzuk serta perlu mengkhatakmannya selama tempoh tersebut. Pelajar akan dinilai melalui peperiksaan semester, kerja kursus atau Latihan yang telah ditetapkan bagi melayakkan pelajar mendapat Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, seterusnya pelajar layak menyambung keperingkat yang lebih tinggi sama ada di institusi tempatan atau luar negara dalam bidang yang berkaitan.

Sehingga tahun 2009, Maahad Tahfiz Al-Quran MAIK telah melahirkan pelajar-pelajar hafiz yang berjaya mendapat Sijil Diploma Tahfiz al-Quran wa-Qiraat seramai 59 orang manakala bilangan pelajar yang tidak mendapat sijil diploma tersebut tetapi berjaya khatam hafazan al-Quran adalah seramai 19 orang menjadikan jumlah keseluruhannya seramai 78 orang (Abdullah 2011).

Berdasarkan permasalahan yang telah diketengahkan, maka faktor-faktor kecemerlangan pelajar tahfiz wajar dikaji secara saintifik untuk mengenal pasti serta menilai kelebihan yang diperolehi oleh seorang yang bergelar huffaz al-Quran atau sinonimnya pada masyarakat di Malaysia dengan gelaran “al-hafiz” yang cemerlang dalam hafazan al-Quran dan dalam waktu yang sama juga mampu cemerlang dalam akademik dan sahsiah. Maka penulisan ini akan mengkaji tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan hafazan pelajar tahfiz di institusi pendidikan tahfiz MAIK. Penulis telah memilih tiga buah Maahad Tahfiz yang berdaftar di bawah MAIK sebagai tempat kajian iaitu Maahad Tahfiz Pubimas Al-Amin, Mahaad Tahfiz Al-Quran ArRaudah dan Mahaad Tahfiz Darul Riyad. Ketiga-tiga institusi ini mempunyai rekod kecemerlangan yang baik dalam melahirkan huffaz-huffaz yang berkualiti dan bersahsiah tinggi. Di harap kajian ini akan dapat merungkai rahsia kecemerlangan para huffaz .

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan disokong oleh data dokumentasi daripada kajian-kajian terdahulu dan maklumat daripada data MAIK. Instrumen pengumpulan data dan penganalisisan data akan diperjelaskan secara terperinci pada bahagian ini. Proses penganalisisan data-data kuantitatif ini menggunakan analisis deskriptif seperti frekuensi, dan peratusan. Soalan ini diedarkan kepada pelajar-pelajar tahfiz daripada tiga buah tahfiz terpilih sekitar Kota

Bahru Kelantan yang mempunyai populasi pelajar seramai 250 orang. Seramai 50 pelajar yang dipilih secara rawak terlibat sebagai responden dalam kajian ini yang menjawab soal selidik yang boleh dipilih berdasarkan kesesuaian jawapan mereka. Responden telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah.

Dalam kajian ini, sebagai instrumen pengumpulan data penulis mengedarkan borang soal selidik untuk mengetahui maklumat demografi responden dan faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlang hafazan para huffaz di mahaad tahfiz yang berdaftar di bawah MAIK. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan *SPSS Version 22.0 (Statistical Package for Social Sciene)* dan dijelaskan dalam bentuk statistik deskriptif. Selain dari borang fizikal, penulis juga menyediakan borang soal selidik melalui *google form* untuk memudahkan responden menjawab soalan dalam tempoh masa yang singkat. Dengan kemudahan di hujung jari ini dapat membantu penulis menganalisis data dengan cepat. Pendekatan ini digunakan untuk merumus dan mentafsir data yang diperolehi dengan lebih terperinci.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama iaitu untuk mengenalpasti faktor-faktor dominan kecemerlangan pelajar tahfiz di institusi pengajian tahfiz MAIK. Bagi menentukan dimensi tersebut maka data telah dianalisis menggunakan min. Seterusnya nilai min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Norasmah (2002) dan Azhar (2006). Kedua mereka telah membahagikan cara interpretasi dapatan deskriptif tersebut seperti dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Interpretasi skor min

Skor min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi
4.01-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad (2006) dan Norasmah (2002).

#### DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan tahap min faktor kecemerlangan hafazan pelajar tafhiz MAIK. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa item 1 “Saya sangat berminat menghafal al-Quran” dengan nilai min 4.74 diikuti dengan item 4 “Ibu bapa saya sentiasa memberikan sokongan pada saya dalam

menguasai hafazan al-Quran” dengan nilai min 4.53. Item ketiga yang mempunyai tahap min tertinggi ialah item ke 6 “Guru-guru sangat membantu dalam hafalan saya” dengan nilai min 4.52. ketiga-tiga item ini mempunyai tahap nilai min yang tertinggi. Manakala item 10 merupakan item yang mempunyai tahap nilai min yang paling rendah iaitu 3.29 “Saya pernah diberi amaran atau hukuman kerana tidak dapat tasmik tepat pada masanya”. Ini adalah kerana pelajar-pelajar tafhiz ini sebahagian besarnya tidak dihukum oleh guru mereka walaupun tidak dapat tasmik pada masanya. Hasil dapatan kajian keseluruhannya berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu dengan nilai min 4.10. Ini menunjukkan bahawa faktor kecemerlangan hafazan bergantung kepada individu pelajar sendiri bagi tiga mahaad tafhiz yang dikaji berdaftar di bawah MAIK.

JADUAL 2. Tahap min faktor kecemerlangan hafazan pelajar

No	Item Soalan	Min	Tahap``
1	Saya sangat berminat menghafal al-Quran	4.74	Sangat Tinggi
2	Saya mempunyai daya ingatan yang kuat	3.45	Tinggi
3	Saya sentiasa bermotivasi dalam menghafal al-Quran	3.98	Tinggi
4	Ibu bapa saya sentiasa memberikan sokongan pada saya	4.53	Sangat Tinggi
5	Pemahaman dalam bahasa Arab sangat membantu saya untuk menghafal al-Quran	4.32	Sangat Tinggi
6	Guru-guru sangat membantu dalam hafalan saya	4.52	Sangat Tinggi
7	Saya sentiasa menepati masa untuk tasmik bacaan	4.10	Sangat Tinggi
8	Sahabat-sahabat saya sangat membantu dalam penguasaan al-Quran	4.20	Sangat Tinggi
9	Saya pernah menerima anugerah penghafal terbaik	3.63	Tinggi
10	Saya pernah diberi amaran atau hukuman kerana tidak dapat tasmik tepat pada masanya	3.29	Tinggi
Keseluruhan		4.10	Sangat tinggi

Seterusnya, bagi kekerapan dan peratusan faktor kecemerlangan hafazan pelajar dijelaskan hasil kajianya dalam Jadual 3. Dapatan kajian menunjukkan bahawa item 1 “Saya sangat berminat menghafal al-Quran” dengan jumlah responden seramai 48 orang (96%), item 4 “Ibu bapa saya sentiasa memberikan sokongan pada saya” dengan jumlah responden 47 orang (94%) dan item ke 6 “Guru-guru sangat membantu dalam hafalan saya” dengan jumlah 47 orang (94%) dengan jumlah

kekerapan dan peratusan yang sama dengan item 4. Manakala item yang mempunyai taburan kekerapan dan peratusan responden paling rendah adalah item 10 “Saya pernah diberi amaran atau hukuman kerana tidak dapat tasmik tepat pada masanya” iaitu dengan jumlah responden 27 orang (54%). Hasil daripada jawapan yang diberikan oleh responden ini dapat disimpulkan bahawa majoriti pelajar tidak dikenakan sebarang hukuman oleh guru mereka jika tasmik tidak diselesaikan.

JADUAL 3. Kekerapan dan peratusan faktor kecemerlangan hafazan pelajar

No	Item Soalan	STS (N/%)	TS (N/%)	TP (N/%)	S (N/%)	SS (N/%)
1	Saya sangat berminat menghafal al-Quran			2/4	15/30	33/66
2	Saya mempunyai daya ingatan yang kuat		4/8	23/46	20/40	3/6
3	Saya sentiasa bermotivasi dalam menghafal al-Quran		2/4	10/20	25/50	13/26
4	Ibu bapa saya sentiasa memberikan sokongan pada saya	1/2		2/4	20/40	27/54
5	Pemahaman bahasa Arab membantu saya menghafal al-Quran	2/4	1/2	3/6	17/34	27/54
6	Guru-guru sangat membantu dalam hafalan saya		1/2	2/4	13/26	34/68
7	Saya sentiasa menepati masa untuk tasmik bacaan	5/10	3/6	7/14	10/20	25/50
8	Sahabat saya sangat membantu dalam penguasaan al-Quran	1/2		3/6	15/30	31/62
9	Saya pernah menerima anugerah penghafal terbaik	5/10	3/6	12/24	10/20	20/40
10	Saya pernah diberi amaran atau hukuman kerana tidak dapat tasmik tepat pada masanya	8/16	5/10	14/28	19/38	8/16

### PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian yang dijalankan mengetengahkan bahawa antara faktor utama yang membawa kepada kecemerlangan hafazan para huffaz di institusi pengajian tahniz MAIK dan khususnya kepada 3 institusi yang dikaji adalah minat yang tinggi terhadap hafazan al-Quran. Faktor seterusnya ialah dorongan dan sokongan ibu bapa serta guru-guru yang sentiasa membantu pelajar dalam hafazan mereka. Faktor ketiga yang turut disokong oleh Sh. Noorhidayah (2020) ialah penekanan kepada sikap disiplin diri yang tinggi, di samping sokongan motivasi daripada keluarga dan guru. Tidak dilupakan juga ialah faktor irungan doa keluarga, para guru dan muslimin umumnya, begitu juga dengan suasana pembelajaran yang sesuai dan kondusif.

Guru amat memainkan peranan dalam mencorakkan pemikiran pelajar-pelajar tahniz, begitu juga dengan mengambilkira pengkaedahan yang mereka lakukan, iaitu kaedah talaqqi dan mushafahah. Faktor ini disokong dengan kenyataan oleh Ashraf Ismail (2019) bahawa penekanan pemahaman al-Quran yang rendah dari guru serta ketiadaan sesi pengajaran atau perbincangan penting seperti asbab nuzul ayat menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran guru tahniz perlu dikaji semula. Azmil Hashim et al. (2013) ada menyebut tentang isu guru tahniz yang kurang menjelaskan kefahaman dan pengajaran ayat serta kurang menerangkan asbab nuzul ayat kepada pelajar.

Manakala Siti Khadizah dan Ahmad Yusuf (2021) menyatakan guru hanya memberikan tumpuan terhadap hafazan pelajar dan tidak mengaitkan ilmu al-Quran dengan kehidupan seharian. Implikasi daripada situasi tersebut, matlamat dan objektif pendidikan tahniz di negara ini tidak dapat tercapai jika isu ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

### KESIMPULAN

Memandangkan betapa pentingnya menghafaz al-Quran bagi menjaga keaslian dan kesuciannya maka ulama telah bersepakat bahawa menghafaz al-Quran itu hukumnya fardhu kifayah. Seorang hafiz juga digelar “Hamilul Quran” iaitu iaitu orang yang mampu memahami makna ayat-ayat al-Quran, mengetahui hukum hakam di dalamnya dan mengamalkan isi kandungannya. Para Hafiz akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga serta diberi kelebihan untuk memberi syafaat kepada sepuluh orang dari kalangan keluarga terdekatnya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT masuk neraka. Kajian ini turut merumuskan bahawa faktor-faktor kecemerlangan hafazan al-Quran pelajar Maahad Tahniz MAIK dapat dilihat dari pelbagai aspek iaitu, minat pelajar, dorongan ibu bapa, motivasi diri, peranan guru dan suasana persekitaran menyumbang impak yang positif dalam hafazan. Hal ini perlu diambil perhatian oleh pihak tahniz dan MAIK untuk memperkasa dan melestarikan lagi faktor-faktor kecemerlangan hafazan pelajar.

## PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat sokongan daripada Pusat Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan (PEMIKIR), Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK yang telah memberi sumbangan berkenaan perundingan kepakaran.

## SUMBANGAN PENGARANG

Pengkonseptualan, Wan Zuriaty.; metodologi, Wan Zuriaty.; formal analisis, Nur Azuki Yusuff.; kesahan, Wan Zuriaty.; sumber, Wan Zuriaty., Nur Azuki Yusuff.; penulisan-penyediaan draf asal, Wan Zuriaty.; penulisan-menilai dan suntingan, Nur Azuki Yusuff.; pentadbiran projek, Wan Zuriaty.; perolehan dana, Wan Zuriaty. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

## RUJUKAN

- Abdullah, A. R. A. Q. B. 2011. *Pengajian Tahfiz Al-Quran Dan Qira'at Di Kelantan: Tumpuan Terhadap Sumbangan Dato` Hj Muhammad Nor Bin Ibrahim*. Tesis ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ab. Halim Tamuri. 2018. Prospek dan Cabaran Institusi Tahfiz dalam Arus Pendidikan Perdana. Kertas kerja dibentangkan di Multaqa Huffaz 2018, 2-3 Mei, Hotel Grand Darul Makmur Kuantan, Pahang.
- Abd Razak, S. R. 2020. Isu pendidikan guru tahfiz: Pengetahuan pedagogi dan amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat tahfiz persendirian di Selangor. *Islamiyyat* 42: 101-106.
- Ahmad, N. 2015. Memperkasa Darul Quran ke arah memartabat pendidikan tahfiz di Malaysia. Dlm. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz 2015, 01-03 Jun 2015, ILIM, Bangi.
- Ashraf Ismail. 2018. Amalan pengajaran pensyarah tahfiz di Maahad Tahfiz al-Quran Kelolaan JAKIM. Tesis ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz, S. N. S., Mastor, K. A. & Kasan, H. 2022. Faktor-Faktor yang mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahfiz: The factors affecting personality development among tahfiz students. *Jurnal Pengajian Islam* 15(1): 259-271.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi pembelajaran pengaturan kendiri pendidikan islam dan penghayatan akhlak pelajar menengah di Sarawak. Tesis ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil Hashim. 2010. Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri. Tesis ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil Hashim. 2013. Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education* 1(1).
- al-Zarkasyi Muhammad bin Abdillah. 1994. *al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al- Ma`rifah.
- Bernama. 2019. Sekolah tahfiz mampu lahir pelajar cemerlang. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1746058>
- Ismail, A., Tamuri, A. H. & Hassan, N. H. 2019. Pelaksanaan amalan talaqqi dan mushāfahah dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia. *Islamiyyat* 41(1): 93-98.
- Ismail Masyhuri al-Hafiz. 1993. *Fadhilat Membaca dan Menghafal al-Quran Serta Panduan Menghafalnya*. Kuala Lumpur: Syarikat NurulHas.
- Julianto, V. & Etsem, M. B. 2011. The effect of reciting Holy Qur'an toward short-term memory ability analysed through the changing brain wave. *Jurnal Psikologi* 38(1): 17-29.
- Kaimin, S. K., Yussuf, A., Yakub, M. & Yusoff, Z. M. 2021. Masalah dan Cabaran Guru Tahfiz dalam Pelaksanaan Pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah di Kementerian Pelajaran Malaysia. Dlm. The 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021), 380-392.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 2023. *Sejarah Penubuhan: Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. e-maik.my/v2/index.php/info/maik/Sejarah-penubuhan
- Muhaidi Mustafa. 2010. Hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar: kajian di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007. Tesis ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Norasmah, O. 2001. The effectiveness of youth entrepreneurship programmes in secondary schools. Tesis ijazah Doktor Falsafah, Putra University of Malaysia.
- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan program usahawan muda di sekolah menengah. Tesis ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Zulfa Izza Mohamed @ Hashim, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, Rohaida Mohd. Saat & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2012. Analisis kritikal terhadap kaedah penghafazan al-Quran dari perspektif neurosains kognitif. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari SQ2012, 1-2 Disember, Permai Hotel, Kuala Terengganu.